

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(39)

Tarikh : 16 Februari 2022

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PENYELENGGARAAN BERJADUAL DWI-TAHUNAN PADA 17-28 MEI 2022

Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera akan ditutup untuk penyelenggaraan berjadual dwi-tahunan kedua bagi tahun 2022 pada 17-28 Mei 2022 dan akan beroperasi semula pada 29 Mei 2022.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) sedang memantau situasi semasa COVID-19 dan berharap jurutera pihak pengeluar (*Garaventa AG* dari Switzerland) dapat menyelia penyelenggaraan dwi-tahunan kedua pada Mei 2022 setelah negara pulih daripada penularan pandemik COVID-19.

PBBPP juga menjalankan pemeriksaan berkala dan penyelenggaraan sistem funikular setiap hari, mingguan dan bulanan, serta pemeriksaan rutin harian selepas tamat waktu operasi funikular Bukit Bendera. Penyelenggaraan dan pemeriksaan ini untuk memastikan sistem funikular sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan yang ketat.

Mulai tahun 2022, PBBPP akan melaksanakan penutupan sehari pada setiap bulan untuk menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan funikular. Tumpuan akan diberikan kepada pemeriksaan keadaan semasa funikular dan menjalankan penyelenggaraan yang tidak dapat dijalankan semasa waktu operasi normal funikular. Penutupan sehari pada setiap bulan telah berjaya dilaksanakan pada 25 Januari 2022. Penutupan perkhidmatan funikular bulanan seterusnya pada 22 Februari 2022 dan 23 Mac 2022.

Pengunjung boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan jip yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk Bukit Bendera (No Telefon : 019-572 0543) atau menggunakan laluan mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Bendera semasa tempoh penutupan.

PBBPP berhak untuk melakukan sebarang perubahan terhadap waktu penyelenggaraan funikular pada bila-bila masa sekiranya perlu. Pengunjung dinasihatkan untuk mengikuti akaun rasmi media sosial PBBPP (Facebook, Instagram dan Twitter) untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan tarikh penutupan termasuk penutupan sehari pada setiap bulan.

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung diatas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Segala kesulitan yang dihadapi amatlah dikesali. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Izatul Aziah binti Ismail
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my